

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(78)

Tarikh : 21 Februari 2023

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGARAAN BERJADUAL DWI-TAHUNAN KEDUA PADA 15-23 JUN 2023

Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera akan ditutup untuk penyelenggaraan berjadual dwi-tahunan kedua bagi tahun 2023 pada **15-23 Jun 2023** dan akan **beroperasi semula pada 24 Jun 2023**.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menjalankan dua (2) penyelenggaraan berjadual utama pada setiap tahun di bawah pengawasan jurutera pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland). PBBPP juga menjalankan pemeriksaan berkala dan penyelenggaraan sistem funikular setiap hari, mingguan dan bulanan, serta pemeriksaan rutin harian selepas tamat waktu operasi funikular Bukit Bendera. Penyelenggaraan dan pemeriksaan ini untuk memastikan sistem funikular sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan yang ketat.

Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh Persatuan Pemandu Perkhidmatan Jeep Bukit Bendera (sila hubungi 012-4541255) yang terletak di Tempat Letak Kereta Rifle Club (Taman Botani) atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera semasa tempoh penutupan.

PBBPP mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung di atas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Segala kesulitan yang dihadapi amatlah dikesali.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my